

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
CROWN PRINCESS HOTEL, KUALA LUMPUR
MAJLIS PERLANTIKAN SOROPTOMIST INTERNATIONAL PETALING
JAYA
19 JANUARI 1994

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Soroptomist International Petaling Jaya kerana menjemput saya bagi meraikan Majlis ini. Saya berasa bangga dapat bersama-sama menyaksikan perasmian satu lagi kelab perkhidmatan wanita di Malaysia, iaitu Kelab Soroptomist International Petaling Jaya. Di bawah pimpinan Datin Christina Suganthi Subramaniam dan ahli-ahli jawatankuasanya yang cekap dan berkomitmen, sudah pasti Kelab ini dapat menghulurkan bantuan dan memberi perkhidmatan berguna kepada kaum wanita khususnya dan masyarakat pada amnya.

2. Pergerakan Soroptomist International sebagai satu organisasi antarabangsa telah pun bermula semenjak tahun 1924. Di dalam masa 70 tahun itu ia telah menunjukkan impak yang berkesan di kalangan masyarakat melalui pemberian bantuan dan perkhidmatan kebajikan kepada mereka yang kurang bernasib baik dan yang memerlukan pertolongan. Sesungguhnya badan-badan bukan Kerajaan boleh memainkan peranan penting untuk membina satu masyarakat yang sihat dan penyayang.

3. Salah satu daripada objektif Kelab ini ialah memberikan cahaya harapan kepada mereka yang memerlukan bantuan. Harapanlah yang menjadi pendorong bagi kita untuk terus hidup walaupun di saat-saat menghadapi kegelapan. Oleh itu, jika kita dapat memberikan harapan kepada mereka yang hidup penu dengan penderitaan dan kesengsaraan atau seolah-olahnya tidak mempunyai erti lagi, maka kita telah berjaya memberikan cahaya harapan untuk mencerahkan lagi hidup mereka yang malang itu. Kita akan berjaya memberikan mereka satu matlamat baru dan satu kehidupan baru.

4. Di rantau Asia, kaum wanita kini giat mengambil tempat mereka yang mutlak dalam masyarakat. Peranan mereka dalam masyarakat adalah didapati begitu berkesan sekali. Adalah paling menggembirakan sekali apabila wanita Malaysia kita juga tidak ketinggalan dan bersedia pula membantu wanita yang kurang berkemampuan untuk mengecap nikmat kehidupan yang lebih bermutu lagi. Hasrat ini lebih jelas sekali dalam Program Six-Point Soroptomist International iaitu; Kemajuan Ekonomi dan Sosial; Pendidikan; Persekitaran; Kesihatan; Hak-Hak Manusia/Peningkatan Status Wanita serta Kefahaman dan Muhibah Antarabangsa. Saya percaya jika sebahagian daripadanya pun dapat dilaksanakan, ia sudah pasti berupaya membela nasib wanita kita.

5. Kelab-kelab Soroptomist di Malaysia ini baru setahun jagung umurnya. Namun, saya yakin anda akan dapat berganding bahu dengan Kelab-kelab Soroptomist lain di merata dunia. Kerjasama antarabangsa akan membolehkan anda berkongsi maklumat, pengalaman dan kepakaran demi kepentingan kaum wanita sejagat.

6. Saya berasa bangga Kelab Soroptomist International Petaling Jaya telah pun memulakan aktiviti mereka dengan kerja amalnya. Saya difahamkan, Kelab telah berusaha mencari wang untuk menghadiahkan Hospital Universiti dengan 'ventilator' untuk kanak-kanak. Ini adalah satu petanda yang baik dan mencerminkan kepimpinan jitu Soroptomist International Petaling Jaya yang mendokong hasrat dan cita-cita negara untuk melahirkan masyarakat penyayang.

7. Saya amat menyokong usaha memberikan hak dan kuasa kepada wanita pada tempatnya dan memberikan harapan kepada mereka yang kurang bernasib baik kehidupannya. Dalam hal ini saya amat yakin Soroptomist International Petaling Jaya sudah bersiap sedia untuk mengembangkan cita-cita murninya untuk memberikan cahaya harapan kepada kehidupan masyarakat negara ini.

8. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada anda sekalian dan saya doakan anda semua semoga maju dan terus berjaya.

Sekian, terima kasih.